

## STRUKTUR DAN KONTEKS KOLOKASI FRASA *AL-IDĀFATT* DALAM AL-QURAN: SATU PEMERHATIAN SEMANTIK

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Bin Mohd Sa'ad  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan  
Email: luqman345@kelantan.uitm.edu.my

Muhammad Zaidi Bin Zakaria  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang  
Email: zaidizakaria@pahang.uitm.edu.my

Mohd Sollah Bin Mohamed  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan  
Email: mohdsollah@kelantan.uitm.edu.my

Nabihah Bt Yusof  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan  
Email: bihah\_87@yahoo.com

---

### ABSTRAK

Makna merupakan sesuatu yang kontekstual dan menjadi satu perbincangan yang penting dalam bidang linguistik. Frasa *al-idāfatt* merupakan kombinasi antara KN-KN yang membentuk kepelbagaian pola dalam kategori semantik. Didapati struktur frasa tersebut menyumbang kepada beberapa bentuk makna termasuk denotatif, konotatif dan idiomatik. Pentafsiran secara langsung tidak memberi maksud yang dikehendaki melainkan pemerhatian yang mendalam terhadap unsur dan kedudukan konteks ayat. Hal ini kerana teks al-Quran terutama frasa *al-idāfatt* mengemukakan maksud implisit, eksplisit dan idiomatis. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana konteks frasa (*al-idāfatt* bi *al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran mempunyai hubungan dengan aspek pemaknaan. Klasifikasi unsur semantik dianalisis berdasarkan pandangan Al-Anbar (2001), James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins (2002) dan Abdou (2009), manakala pengesahan makna konteks dipaparkan menurut pandangan sarjana Arab al-Quran. Data kajian dikumpul dan dipilih berdasarkan kerelevanan serta kesesuaian untuk menampakkan kategori semantik. Kajian mendapati idiom yang terbentuk daripada struktur frasa tersebut menyalurkan maksud tertentu, walaupun berada dalam struktur morfologi yang sama. Hasil kajian membolehkan pengkaji mengetengahkan klasifikasi semantik yang terbentuk dari struktur *al-idāfatt* berdasarkan konteks al-Quran. Kajian diharap menjadi kayu ukur dan langkah permulaan untuk kajian-kajian seterusnya mengenai struktur dan konteks pemaknaan khususnya di dalam al-Quran.

Kata kunci: struktur, konteks, kolokasi frasa *al-idāfatt*, al-Quran, semantik.

### ABSTRACT

Meaning is something contextual and becomes one of the most important discussions in the field of linguistics. *Al-idāfatt* is a combination of nouns that forms a diverse pattern of phrases in the semantic category. It was found that the phrase structure contributed to some forms of meaning including denotative, connotative and idiomatic. Direct interpretation may fail convey to the actual meaning unless referred to the context of the verses in the Quran. This is because, in the Quran, *al-idāfatt* phrases can convey implicit, explicit and idiomatic meaning. This study was conducted to identify to what extent the context of the phrase (*al-idāfatt* bi *al-alif wa al-lām*) in the Holy Quran relates to the aspects of meaning in the Book. The classifications of semantic elements were analyzed based on Al-Anbar (2001), James Dickins, Sandor Hervey, Higgins (2002) and Abdou (2009), while the validation of contextual meanings were interpreted based on the perspectives of Arab scholars (al-Quran). The data was collected and selected based on its relevance and suitability to reveal the semantic categories. The study found that idioms which were formed by the phrase displayed certain meanings, even in the same morphological structure. The findings allow researchers to highlight the semantic classifications of the structures formed by *al-idāfatt* in the Quran. This research hopes to become a benchmark and starting point to conduct further studies on the structures and contexts of meaning especially in the holy Quran.

Keywords: structure, context, collocation of phrase *al-idāfatt*, al-Quran, semantics.

## 1. Pengenalan

Dalam bidang linguistik, konteks memainkan peranan besar dalam menentukan aspek makna sebenar bagi sesuatu frasa perkataan. Memahami konteks ayat merupakan satu tugas yang signifikan disebabkan keupayaannya yang boleh mencetuskan perubahan dari segi pola dan kedudukan semantik. Konteks merupakan konstruk psikologi (Sperber & Wilson, 1995) dan suatu yang amat penting (Leech, 1974: 78). Manakala Hijab Mohammad (2014: 65) menyatakan konteks sebagai satu konsep yang berkait dengan pragmatik dan fungsi sistemik. Bukan mudah untuk memahami sesuatu perkataan hanya melihat bentuk secara permukaan (*surface*) atau ejaan (*orthography*) semata, apatah lagi memahami konteks dan struktur leksikal al Quran yang penuh dengan unsur-unsur budaya dan linguistik (*Hilāl Al-Ashjā'ī*, 2014: 388).

Semantik atau kajian makna adalah satu bidang yang luas, mencakupi kebanyakan daripada struktur dan fungsi bahasa (Hashim Musa & Ong Chin Guan, 1998: 1). Mendapatkan maksud secara katawi tidak menjamin pembaca untuk memperoleh makna yang sebenar. Selari dengan pandangan Catford (1996: 45) yang menyatakan bahawa perolehan maksud pada tahap leksikal merupakan sesuatu yang terbatas. Menurut Hijab Mohammad (2014: 25) semua bahasa mempunyai struktur, dan menstrukturkannya dengan cara yang sejajar dengan sistem bahasa tersebut adalah perlu. Berbalik daripada itu, kajian ini merungkai struktur semantik yang wujud disebalik frasa *al-idāfat* di dalam al-Quran.

Al-Quran merupakan suatu yang unik (Omar Sheikh Al-Shabab. 2003: 21). Ini kerana, pelbagai kategori linguistik wujud di dalam teks tersebut termasuklah unsur-unsur yang berupa penceritaan, budaya, sejarah, tekstual, dan teologi (ibid). Pemerhatian pada struktur konteks perlu diberi penekanan dan dianalisis sebaik-baiknya dalam pengintepretasian ujaran supaya makna sebenar ayat al-Quran yang diperoleh benar-benar tepat dalam menjanakan pemahaman dan kefahaman. Hal ini ditegaskan oleh Majdi Ibrahim & Saupi Man (2008: 234) yang menyatakan bahawa hubungan antara makna asal (tersurat) dengan makna *thanawi* (tersirat) perlu diberi perhatian, manakala pengaplikasian terjemahan *tafsīriyyat* untuk penjelasan makna adalah perlu untuk mentafsir ayat al-Quran.

### 1.1 *Mudāf* dan *mudāf ilaih*

*Al-idāfat* adalah bentuk penyandaran antara satu kata dengan kata yang lain, iaitu antara (Kata Nama dengan Kata Nama) yang lain (Mubārak, 1992), (Ibn 'Aqīl 1990), (Ibn Jinnī 1988). Apabila dua buah KN atau lebih digabung menjadi kesatuan kata yang baru (Kata Majmuk), maka kata yang di depan dinamakan *mudāf* sedang kata yang di belakang dinamakan *mudāf ilaih*, dan ianya terbahagi kepada *al-idāfat al-lafziyyāt* dan *al-maknawiyāt* (Syed Ali Mirluhy & Rihanah Mirluhy, 2011: 176). Menurut Al-Ghalāyīnī (1993) kombinasi *mudāf - mudāf ilaih* ini membentuk KN *Ma'rifat*. *Mudāf* selalu dalam keadaan *nakirāt* (tanpa alif-lam) dan tanpa tanwin, sedangkan *mudāf ilaih* selalu dalam keadaan *Ma'rifat*. *Mudāf ilaih* juga berada selepas huruf jar (Al-istirbazy, Radhiuddin Muhammad, 1998). Hal ini dinyatakan oleh al-Makhzumi & Mahdi (1964) bahawa *āmil jar* adalah *mudāf*, contohnya: *غلام زيد* (*ghulāmu zaidin*) iaitu *majrur*, manakala kata *زيد* (*zaidin*) merupakan *mudāf ilaih* yang berkombinasi bersama amilnya (*mudāf*), dan mustahil struktur al idhāfah wujud tanpa *mudāf*. Frasa *al-idāfat* secara asas terbahagi kepada [*al-idāfat bi al-alif wa al-lām*] contohnya: *طالب الدكتوراة* (*tālib al- duktūrāt*) iaitu (pelajar PhD). [*mudāf ilaih* dengan isim alām / KN khas] contohnya: *كتاب محمد* (*kitab muhammad*) iaitu (buku Muhammad). Manakala yang seterusnya [*mudāf ilaih* dengan *damīr* / Kata ganti diri] contohnya: *منزلهم* (*manziluhum*) iaitu (rumah mereka). Namun begitu, kajian ini hanya menjalankan kajian ke atas pola semantik bagi struktur frasa (*al-idāfat bi al-alif wa al-lām*) sahaja.

## 2. Pernyataan masalah

Menurut Brashi (2005: 33) bahasa Arab sangat kaya dengan aspek gabungan kata, tetapi tidak ramai para pengkaji membahaskan himpunan kata bahasa Arab secara umum terutamanya kolokasi. Kolokasi merupakan masalah linguistik disebabkan kesamaran ciri-ciri dan definisi seperti idiom (Hilal Alshaje' 2014: 389). Kolokasi frasa *al-idāfat* memperlihatkan pelbagai binaan kata dan bentuk makna (Ghazala, 2007: 11-13). Kitab al-Quran memaparkan struktur *al-idāfat* yang dikenalpasti menyumbang kepada pola semantik tertentu termasuklah konotatif, denotatif dan idiomatik. Memahami maksud idiomatik bukan satu tugas yang mudah kerana ia tidak didasari dimensi struktur sahaja (Hijab Mohammad, 2014: 105). Walau bagaimanapun, ia boleh dianggap lebih mengetengahkan semantik kerana dimensi idiomatik bergantung kepada latar belakang budaya berbanding struktur semata (ibid). Kepelbagaian pola ini menyebabkan para pembaca perlu memahami struktur dan konteks frasa sebelum mengemukakan maksud yang dikehendaki terutama teks al Quran yang penuh dengan unsur-unsur linguistik (Yasir Y. Abdulwahid, Osama H. Ibraheem, 2011: 816). Justeru, kajian dan usaha memperoleh maksud al-Quran yang selari dengan konteks mestilah dirujuk kepada sarjana Arab dan al-Quran untuk mengelakkan masalah ketaksamaan makna. Perkara ini ditegaskan oleh Hilal Alshaje' (2014: 52) yang menyatakan bahawa memperoleh maksud al-Quran merupakan sesuatu yang bermasalah terutamanya kolokasi. Frasa *al-idāfat* terutamanya (*al-idāfat bi al-alif wa al-lām*) dilihat merupakan struktur yang berupaya mendatangkan kesulitan dalam pengklasifikasian kategori semantik. Hal ini kerana

bentuk teks al-Quran tidak mudah dibuat penyelidikan kecuali mempunyai pengetahuan kukuh dalam bahasa Arab secara umum dan al-Quran secara khusus, disamping memahami gaya dan struktur leksikal teks al-Quran yang asli dan autentik (Shihab & Rafid, 2008: 1).

Teks al-Quran merupakan suatu yang mencabar dan mengagumkan (Shihab & Rafid, 2008: 1). Struktur makna yang eksplisit dan implisit menyebabkan pembaca perlu mendapatkan kefahaman menjangkau maksud literal teks termasuklah frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*). Kebolehan mengenalpasti struktur konteks sebelum menetapkan jenis semantik haruslah dibuat untuk mengelakkan masalah makna frasa al-Quran. Ini kerana, struktur al-Quran mengutarakan maksud kontekstual yang mempunyai semantik yang berbeza bergantung pada konteks ayat (Maha Alrabiah, Nawal Alhelewh, Abdul Malik & Eric Atwell, 2014: 2). Di samping itu, sesetengah teks al-Quran adalah ringkas dan padat, malah ia mengandungi frasa atau perkataan yang menyampaikan beberapa konsep termasuklah penggunaan kiasan dan analogi yang sememangnya menambah dimensi makna (ibid). Oleh itu, usaha untuk memaparkan kategori semantik yang mempunyai hubungan dengan frasa (*al-idāfāt*) diharap membantu untuk mengelakkan ketaksamaan makna dan konteks. Dapatan kajian dijangkakan menjadi bahan rujukan dan langkah permulaan untuk menjalankan kajian-kajian seterusnya mengenai isu pemaknaan dan peranan konteks dalam al-Quran.

### 3. Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk merealisasikan objektif berikut:

- 1- Menenalpasti sejauh mana struktur frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran menyumbang pola semantik dengan menerapkan pendekatan makna denotatif, konotatif dan idiomatik.
- 2- Menganalisis konteks makna frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran menurut pandangan sarjana Arab dan al-Quran.
- 3- Merumuskan hasil kajian mengenai skop semantik yang mempunyai korelasi dengan frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*).

### 4. Tinjauan literatur

Al-Anbar (2001:1) mengenal pasti terdapat dua jenis struktur dalam bahasa, pertama tidak mempunyai sebarang ciri khusus, termasuklah struktur ayat yang biasa atau frasa maknanya difahami secara langsung, contohnya *يلعب علي كرة قدم* (*yal'ab 'aliy kurraṭ qadam*) iaitu (Ali sedang bermain bola). Manakala jenis kedua boleh dikenal pasti menerusi ciri struktur dan unsur semantiknya, kategori ini termasuklah peribahasa, contohnya: *رجع بخفي حنين* (*raja'a bi khaṭy hunain*) maksud secara literal: [ *Dia datang kembali dengan kasut Hunayn* ] iaitu 'usahanya yang sia-sia', dan makna idiomatik, contohnya *نضب ماء وجهه* (*naḍab mā' wajhih*) makna literal: [ *air mukanya melimpah keluar* ], yang sebenarnya bermaksud 'dia tidak lagi malu dengan dirinya sendiri'.

Terdapat dua aspek asas mengenai makna dalam bahasa iaitu makna denotatif dan konotatif (James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins, 2002: 52). Denotasi ialah makna kognitif, literal atau definisi bagi suatu perkataan - eksplisit, khusus, ia boleh dikatakan sebagai nyata, pengertian intelektual, begitu juga sinonim, homonim dan definisi kamus yang merupakan makna denotasi (ibid), manakala makna konotatif merupakan makna perkataan yang mempunyai nilai yang tersirat bagi suatu perkataan, asosiatif dan bukan makna literal, begitu juga makna attitudinal, asosiatif, afektif, alusif dan refleksi merupakan sebahagian daripada maksud konotatif (ibid 66-72). Selari dengan Hijab Mohammad (2014: 51) yang menyatakan al-Jurjāniy (1991) juga membuat kajian berupa semantik leksikal dan aspek kognitif suatu kata disamping ujaran dan unit yang lebih besar untuk merungkai struktur makna denotasi dan konotasi sesuatu perkataan.

Nicolas (1995: 234-235) membezakan antara tiga pola semantik menerusi gabungan perkataan: (1) kombinasi bebas (juga dikenali sebagai ayat komposit), (2) kolokasi dan (3) idiom. Ayat komposit menyalurkan maksud sebenar, yang hanya menyampaikan unsur-unsur konstituen sahaja, iaitu menyumbang makna yang bertepatan dengan struktur perkataan dalam ayat atau frasa. Adapun pola kedua dikenali sebagai kolokasi yang terdiri daripada gabungan dua kata yang merupakan kombinasi bebas dan ciri-ciri khusus, manakala jenis ketiga ialah pola semantik berbentuk idiom yang tidak mempunyai sebarang pertalian komposisi. Menurut Siini (1996) idiom dalam bahasa Arab mempunyai tiga klasifikasi struktur (idiom Verbal, idiom Nominal dan idiom Preposisi). Manakala Abdou (2009: 55) menyatakan bahawa idiom Arab mempunyai lima klasifikasi sintaksis yang berbeza, tiga daripadanya adalah sama dengan Siini (1996), walau bagaimanapun, Abdou (2009: 63) menambah dua lagi, iaitu idiom adjektif dan idiom kata sifat adverbial. Idiom nominal yang diutarakan Abdou (2009) merupakan kerangka asas untuk diterapkan terhadap frasa *al-idāfāt* (KN-KN) dalam kajian ini.

Al-Jurjāniy (1991) melalui tulisan Abu Ghazala (1992: 17) menyatakan kolokasi. sebagai 'satuan perkataan yang mempunyai perkaitan sistematik dengan entiti linguistik'. Keadaan inilah yang dinamakan sebagai *collocational meaning* atau *المَعْنَى التَّوَالُفِيَّةُ* / التَّلَازُمِيَّةُ (Al-Hasan, 2001:51). Kolokasi bahasa Arab banyak dijalankan penyelidikan linguistik antaranya Emery (1988,1991), Husamaddin (1985), Ghazala (1993), Hoogland (1993), Hafiz (2002) dan Brashi (2005). Konsep yang diutarakan menunjukkan bagaimana kombinasi kata berupaya mengutarakan unsur semantik berupa makna eksplisit dan implisit sesuatu ujaran. Abu al- Azm, (2006: 34) mengemukakan pengertian kolokasi secara mendalam iaitu:

“Satuan bahasa yang bermula dengan kata nama atau kata kerja, terdiri dari dua perkataan atau lebih, dari keterikatan satu dengan yang lainnya itu membentuk sebuah makna baru yang berbeza sama sekali dari makna asal dari setiap perkataan tersebut secara sendiri-sendiri, sehingga makna baru tersebut berubah menjadi makna sosial, politik, budaya, kejiwaan dan peristilahan”.

Kajian mengenai kolokasi di dalam al-Quran dijalankan oleh beberapa sarjana seperti Hilāl al-Ashja‘i (2014), Maha al-Rabiatt, Nawal al-Helewh, Abdul Malik al-Salmān & Eric Atwell (2014), Shima Ebrahimi, Mohammad Reza Pahlavannezhad, Geranaz Nadernezhad (2012), Yasir Y. Abdulwahid, Osama H. Ibraheem (2011), Syed Ali Mirluhy & Rihanah Mirluhy (2011), Shihāb A. Al-Nasser, Rafid A. Khashan (2008) dan Omar Sheikh al-Shabāb (2003). Kajian-kajian tersebut dijalankan dengan mengentengahkan aspek dan ciri kolokasi serta diskusi linguistik tertentu secara umum. Pengkaji tidak menemui sebarang kajian yang mengutarakan perbincangan khusus mengenai pola semantik bagi frasa *al-idāfāt* di dalam al-Quran.

## 5. Metodologi kajian

Kajian ini berteraskan korpus bahasa berorientasikan metod pemerolehan data yang telah dikenal pasti untuk dianalisis. Perbincangan dan perbahasan dalam kajian ini dibuat berdasarkan penelitian yang telah dijalankan terhadap data utama iaitu struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran. Data kajian dianalisis berdasarkan aspek linguistik termasuk kategori semantik dan idiomatik yang selari dengan pandangan al-Anbar (2001), James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins (2002) dan Abdou (2009). Data kajian seterusnya dipilih berdasarkan kerelevanan dan kesesuaian kajian sebelum digarap untuk menampakkan klasifikasi semantik termasuklah implisit dan eksplisit sesuatu struktur. Manakala proses validasi penjelasan konteks frasa *al-idāfāt* dibuat berdasarkan pandangan sarjana Arab al-Quran iaitu al-Zamakhsyariy (1998), al-Tabariy (1997), Ibn Katshir (2000), Ibn Faris (2001), al- Alusy (1994), al-Baghwiyy (1987), al-Qurtubiy (1988), Ibn A’syur (1997), Abu Hayyan (2001), al-Raghib al-Asfahāniy (1999), Abi Mansur al-Tha’alabiyy (1985), dan Abi Hilāl al-‘Askariy (1988). Data kajian kemudian diteliti sebelum disenaraikan mengikut klasifikasi struktur dan konteks disamping kategori semantik yang merupakan objektif utama kajian.

### 5.1 Batasan kajian

Kajian ini hanya fokus terhadap frasa *al-idāfāt* yang berupa struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*). Kajian ini juga tidak membincangkan aspek sintaksis dan pandangan sarjana tatabahasa Arab secara mendalam. Penyelidikan yang dijalankan berkisar kepada struktur pola semantik menurut pandangan Al-Anbar (2001), James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins (2002) dan Abdou (2009). Kategori makna yang dianalisis termasuklah unsur denotatif, konotatif serta idiomatik. Sampel utama kajian ialah kitab al-Quran, manakala data utama adalah struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*). Analisis denotatif dan konotatif dijalankan ke atas leksikal سبيل *sabil* (jalan), أم *ummu* (ibu) dan أولو *uulu* (ketua/pemerintah). Adapun kategori idiomatis dipaparkan secara rawak untuk menampakkan perbezaan maksud konteks yang berupa figuratif bagi struktur *al-idāfāt*. Pemerolehan dan pengesahan pemilihan makna konteks dinyatakan pada bahagian metodologi.

## 6. Analisis dan perbincangan

Analisis yang dijalankan dibuat pemerhatian pada struktur *al-idāfāt* [KN + KN] untuk menentukan konteks bagi maksud frasa berdasarkan kategori semantik berikut:

- 1- Struktur *al-idāfāt* VS makna denotatif (MD).
- 2- Struktur *al-idāfāt* VS makna konotatif (MK).
- 3- Struktur *al-idāfāt* VS makna idiomatik (MI).

6.1. Denotatif dan Konotatif

[ Analisis 1 ]

Jadual berikut menunjukkan derivasi makna bagi leksikal iringan dengan perkataan سبيل yang bermaksud 'jalan'. Kategori semantik dikenalpasti wujud sebagaimana berikut:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا [النساء: 115]	MD	المؤمنين Orang Mukmin	سبيل Jalan
Jalan orang berpegang pada agama dan syariat islam serta hukumnya (Al Syaikani, tt: 515)			
وَكَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ [الأنعام: 55]	MK	المجرمين Orang yang salah	
Jalan kezaliman, hasad, bongkak, menghina manusia dan kufur (Ibn A'syur, 1997: 260)			
سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ... [الأعراف: 146]	MD	الرشد Betul/benar	
Jalan yang mendapat petunjuk dan betul (Al alusy, 1994: 59)			
الَّذِينَ آمَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا [النساء: 76]	MD	الطاغوت Orang yang kufur	
Jalan orang yg mengikuti syaitan & pengikutnya yang kufurkan Allah (Al Tabari, 1997: 169)			
وَوَاعِدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَاهَا بِعَشْرِ فِتْنَةٍ مِيقَاتٍ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ [الأعراف: 142]	MK	المفسدين Pembuat kerosakan	
Jalan orang berdosa dan membantu melakukan kezaliman (Al Qurtubi, 1988 277)			
وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أحيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ [البقرة: 154]	MK	الله ALLAH	
Jalan untuk menegakkan syariat dan agama Allah (Ibn A'syura, 1997: 213)			
Jalan mendekatkan hambaNya pada keredhaan Allah (Himadah Muhammad 2007 : 350)			

Analisis menunjukkan leksikal سبيل dengan kombinasi iringannya memaparkan 3 konteks yang mengemukakan makna denotatif dan 3 makna konotatif. Frasa *al-idāfat* tersebut merupakan struktur kata dari jenis yang sama, akan tetapi mengutarakan semantik yang berlainan. Melalui pemerhatian, didapati konteks pada struktur berikut berperanan menyalurkan makna yang implisit dan eksplisit. Pemerolehan aspek semantik secara permukaan boleh mendatangkan masalah dari segi pemaknaan. Unsur tersurat dan tersirat boleh dikenalpasti dengan melihat keseluruhan maksud dan konteks. Justeru, pentafsiran berpandukan keterangan dan penjelasan sarjana Arab al-Quran merupakan jalan yang paling sesuai untuk mendapatkan semantik yang tepat dan selaras dengan konteks serta kehendak ayat. Kombinasi frasa *al-idāfat* yang dinyatakan merumuskan bahawa struktur perkataan mempunyai hubungan dan fungsi dengan aspek makna.

## 6.2 [ Analisis 2 ]

Perkataan 'أم القرى' *Umm al-qura* dan 'أم الكتاب' *Umm al-kitāb*

أُمُّ الْقُرَى

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقٌ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا .. [الأنعام : 92]  
وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ الْجُمُعِ لَا رَيْبَ فِيهِ.. [الشورى: 7]

Maksud leksikal أم *umm* secara literal ialah (Ibu), manakala القرى bermaksud (Kampung). Menurut al-Zamakhshary (1998: 109) frasa tersebut dinamakan *Umm al-Qura* ditujukan pada satu tempat agung yang mengumpulkan sejumlah manusia. Manakala al-Alusy (1994: 210) menyatakan ia adalah kiblat agung orang ramai yang berkumpul bersama anak-anak dan ibu-ibu. Pun begitu, mafhum sebenar struktur kolokasi أم القرى menurut pentafsir ialah Makkah al-Mukarramat yang merupakan makna konotatif daripada perkataan 'kampung' (ibid). Leksikal أم juga muncul pada tiga tempat berikut:

أُمُّ الْكِتَابِ

### Frasa 1

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ.. [آل عمران: 7]

Maksud leksikal الكتاب *al-kitab* ialah (buku/kitab). Frasa diatas menurut al-Tabariy (1997: 170) ialah satu kitab agung yang memperihal tentang tiang agama, kefardhuan, dan segala urusan-urusan agama dan kewajipan. Abu Hayyan (2001: 397) menyatakan bahawa kombinasi tersebut mendokong maksud kitab muhkam dan agung yang mengandungi ayat-ayat Allah.

### Frasa 2

يَمْخُورُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُنشِئُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ [الرعد: 39]

Menurut al-Zamakhsharyy (1998: 522) kombinasi frasa tersebut menjurus pada maksud (kitab) luh mahfuz, iaitu segala sesuatu tertulis padanya. Selari dengan al-Alusy (1997: 161) dan al-Qurtubi (1988: 62) yang menyatakannya sebagai kitab yang azali. Secara kesimpulannya, frasa yang dinyatakan mengutarakan semantik berupa unsur konotatif yang menunjukkan 'al-kitab' merujuk pada maksud al-Quran. Demikianlah makna implisit yang dikemukakan oleh sarjana selaras dengan konteks sebenar ayat al-Quran (*context-based structure*). Terjemahan literal sebagai 'ibu kitab' menyalurkan kognitif pemahaman yang taksa memandangkan maksud konteks ialah kitab al-Quranul al-Karim.



### 6.3 [ Analisis 3 ]

Perkataan أولو 'uulu' + (*Mudāfilaih*)

Perkataan أولو berkolokasi dengan pelbagai kombinasi kata yang memberi maksud tertentu. Menurut al-Qawim (1983: 24) perkataan أولو bermaksud أصحاب / sahabat/ golongan. Perkataan tersebut memerlukan gandingan kata (*mudāfilaih*) untuk menyempurnakan maksudnya. Berikut merupakan gambarajah struktur frasa yang muncul di dalam surah-surah, manakala analisis makna leksikal dan konteks dihuraikan berdasarkan pandangan sarjana Arab al-Quran.

العلم [ آل عمران: ١٨ ]	أولو	الأمر [ النساء: ٥٩ ]، [ النساء: ٨٣ ]	أولو
الفضل [ النور: ٢٢ ]		الأبصار [ آل عمران: ١٣ ]، [ النور: ٤٤ ]، [ الحشر: ٢ ]	
القريبى [ النساء: ٨ ]، [ النور: ٢٢ ]، [ التوبة: ١١٣ ]		أجنحة [ فاطر: ١ ]	
الألباب [ البقرة: ٢٦٩ ]، [ آل عمران: ١٩٠ ]، [ البقرة: 269 ]		الأرحام [ الأنفال: ٧٥ ]، [ الأحزاب ]	
النعمة [ المزمل: ١١ ]		الضرر [ النساء: ٩٥ ]	
النهي [ طه: ٥٤ ]، [ طه: ١٢٨ ]		الطول [ التوبة: ٨٦ ]	
الأيدى [ ص: ٤٥ ]		العزم [ الأحقاف: ٣٥ ]	

#### Analisis: Makna Konteks

Leksikal الأمر bermaksud urusan (al-Raghib, 1999: 31). Manakala frasa (أولى الأمر) *ūli al-amr* mendokong maksud الأمراء *al-Umarā'* iaitu pemimpin yang perlu ditaati selagi mana ketaatannya pada Allah, dan tidak wajib mentaati pada urusan maksiat (al-Qurtubi, 1988: 259). Frasa tersebut juga membawa maksud *Fuqaha'* dan *Ulama'* yang mentaati Allah, begitu juga pengertiannya menjurus pada maksud sahabat rasul s.a.w (*ibid*). Penggunaan struktur tersebut pada masa kini dilihat mengutarakan maksud 'pemimpin', akan tetapi mufassir menguatkan dengan maksud orang yang berilmu iaitu الولاة / pemerintah/ gabenor, dan sesetengah para alim mensyaratkan mereka mestilah berilmu dan kuat dalam agama sehingga benar-benar layak disifatkan pemimpin (Himadah Muhammad, 2007: 287). Struktur tersebut jelas memaparkan unsur konotatif dimana konteks semantik yang didokong memerlukan penghurian yang signifikan. Justeru, konteks haruslah diinterpretasi untuk difahami selari dengan maksud kontekstual yang sebenar (*actual contextual of meaning*). Semantik secara literal dilihat tidak membantu pembaca mencapai makna yang sesuai.

Frasa أولى الأبصار bermaksud orang yang mempunyai akal dan penglihatan (al-Baghiwy 1987: 351). Kolokasi tersebut menjelaskan tentang golongan yang melihat kekuasaan dan keesaan Allah (*ibid*:14). Berdasarkan konteks ayat, frasa *al-idāfat* tersebut secara eksplisit menjurus pada makna 'orang yang mempunyai penglihatan' dan ditelusuri dengan makna implisit iaitu mata hati yang mengagungkan Allah. Peranan konteks dalam struktur tersebut membawa maksud 'manusia yang melihat kekuasaan dan keesaan Allah dengan menggunakan akal dan mata hati nurani.

Leksikal أجنحة membawa maksud 'sayap'. Menurut al-Zamakhshary (1998: 618) frasa أولى أجنحة memberi makna أصحاب أجنحة / golongan yang bersayap. Struktur tersebut jelas menampakkan unsur konotatif yang merujuk pada maksud para malaikat Allah (Himadah Muhammad 2007 : 288). Mendapatkan maksud secara literal pada struktur ini tidak menyumbang semantik yang mudah difahami kerana penjelasan maksud yang diberikan berupa implisit.

Kata الأرحام secara katawi bermaksud 'rahim-rahim'. Konteks sebenar *al-idāfat* dalam frasa tersebut menurut al-Zamakhshary (1998: 618) ialah kaum kerabat dan waris. Struktur frasa tersebut mengutarakan semantik secara denotatif yang mudah difahami.

Perkataan الضرر bermaksud kerosakan. Struktur frasa ayat Quran أولى الضرر menurut Himadah Muhammad (2007: 289) ialah المرض والعاقة / penyakit dan hilang upaya. Ibn A'syur (1997:171) menjelaskan ayat tersebut mendokong penggunaannya pada maksud 'yang buta'. Frasa ini memerlukan pemilihan leksikal dan semantik yang selaras dengan konteks makna konotatif. Justeru maksud leksikal أولى الضرر yang selari dengan konteks tersebut ialah golongan yang buta.

Maksud kata الطول secara literal ialah 'panjang'. Ibn 'Asyur (1997: 288) berpandangan bahawa frasa أولو الطول ialah golongan yang ada kekuatan dan kesihatan jasmani untuk berjihad dengan mengetepikan alasan. Penjelasan secara implisit menggambarkan ciri-ciri yang perlu untuk menyertai golongan أولو الطول. Perolehan semantik secara komunikatif diperlukan supaya kesan konotatif ujaran dapat difahami oleh pembaca.

Leksikal العزم bermaksud 'azam/ tekad' dalam bahasa Melayu. Konteks frasa أولو العزم dijelaskan oleh al-Zamakhshariy (1998: 209) iaitu golongan yang berusaha, cekal, tabah serta sabar. Adapun al-Alusy (1994: 191) menyatakan mereka adalah golongan para rasul. Pemahaman bagi kedua-dua penjelasan berikut memaparkan kepada para pembaca maksud konotasi mengenai diskripsi rasul pilihan iaitu Nabi Muhammad s.a.w, Nabi Musa, Nabi Isa, Nabi Ibrahim dan Nabi Nuh kerana ketabahan dan kesabaran yang luar biasa, dalam menyebarkan agama Islam. Leksikal العزم berfungsi untuk menghuraikan dokongan makna selari dengan peranan konteks di dalam frasa.

Perkataan العلم iaitu 'pengetahuan'. Al-Zamakhshariy (1998: 304) menjelaskan bahawa konteks struktur bagi ayat tersebut menjurus pada maksud seorang yang menetapkan keesaannya hanya pada Allah dengan pegangan yang tidak berbelah bagi, mereka adalah para ulama' yang adil dan mengesakan Allah. Keterangan yang diberikan menampakkan kombinasi أولو dengan leksikal العلم berperanan mengujarkan unsur konotatif yang memerlukan kefahaman mendalam mengenai makna konteks.

Kata الفضل memberi makna 'kelebihan'. Frasa أولو الفضل secara harfiah bermaksud golongan yang ada kelebihan. Perkataan الفضل ialah الزيادة/ pertambahan, antonim: النقص / pengurangan iaitu bertambahnya kebaikan dan kesempurnaan dalam agama (Ibn Asyur, 1997: 189). Makna konteks bagi ayat tersebut ialah Abu Bakar as-Siddiq (ibid). Demikianlah frasa *al-idāfat* tersebut berfungsi menyalurkan maksud yang implisit. Selari dengan James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins (2002) yang menyatakan bahawa konotatif merupakan makna perkataan yang mempunyai nilai yang tersirat bagi suatu perkataan, asosiatif dan bukan makna literal.

Frasa أولى القريى menurut Himadah Muhammad (2007: 291) memberi maksud 'yang mempunyai pertalian'. Perkataan القريى membawa maksud kaum kerabat. Frasa ini mendokong makna denotasi yang nyata, kognitif dan mudah ditelusuri mafhumnya iaitu golongan kaum kerabat atau hubungan yang ada pertalian.

Struktur أولى الألباب muncul sebanyak 16 tempat di dalam al-Quran. Kesemua perkataan الألباب didapati bergandingan dengan kata أولى. Makna konteks bagi frasa tersebut ialah أهل العقول iaitu 'orang yang mempunyai akal', selari dengan kalimah الألباب kata jamak yang membawa makna denotasi 'akal' (Ibn Asyur, 1997: 236). Keadaan ini dinyatakan oleh James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins (2002) bahawa denotasi merupakan makna literal atau definisi bagi suatu perkataan dan boleh dikatakan sebagai sinonim.

Frasa *al-idāfat* أولى النعمة bermaksud golongan yang mempunyai kemewahan dan kesenangan (Himadah Muhammad 2007: 292). Menurut al-Zamakhshariy (1998: 489) konteks ayat tersebut bermaksud kaum Quraish iaitu golongan yang suka pada hiburan dan kesenangan. Pemahaman secara katawi mengutarakan maksud yang menyimpang. Hal ini kerana makna konteks bagi frasa tersebut berupa konotatif.

Kata النهى membawa maksud 'sekatan'. Manakala frasa أولى النهى menurut Ibn Kathīr (2000: 160) ialah orang yang mempunyai akal yang tulus dan telus bahawasanya tiada tuhan selain Allah dan tiada sekutu bagiNya. Al-Alusy (1994 :519, 560) menyatakan struktur أولى النهى bermaksud akal seseorang yang menyekat dirinya dari menurut yang batil dan melakukan dosa. Justeru, makna konotatif yang didokong dalam frasa tersebut mestilah difahami selari dengan konteks sebenar ayat al-Quran.

Leksikal الأيدي memberi maksud 'tangan-tangan'. Al-Tabariy (1997:170) menyatakan ianya bermaksud القوة / kekuatan, iaitu orang yang kuat ibadah dan ketaatannya pada Allah. Unsur konotasi dalam frasa tersebut menunjukkan bagaimana leksikal الأيدي berfungsi untuk memaparkan semantik yang berbeza dengan struktur asal.

وَأَذْكُرْ عِبَادَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولِي الْأَيْدِي وَالْأَبْصَارِ [ص: 45]

Perlu diberi perhatian bahawa perkataan الأيدي juga muncul pada ayat dan struktur yang lain, dan mengutarakan maksud yang lain. Penentuan untuk memahami konteks pada struktur ayat yang dibaca merupakan asas untuk mendapatkan semantik yang tepat.



## Perbincangan antara Denotatif dan Konotatif

Berdasarkan pemerhatian, struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) berupaya mendatangkan kepada para pembaca unsur implisit dan eksplisit. Daripada 14 frasa *al-idāfāt* yang dijalankan pemerhatian, didapati sebanyak 11 kategori berupa konotatif dan 3 secara denotatif. Ini menunjukkan kolokasi (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) berupaya mengutarakan semantik tersendiri walaupun tergolong daripada struktur yang sama. Peranan konteks dilihat berfungsi apabila sesuatu makna ditentukan berdasarkan keseluruhan struktur ayat. Kepentingan dalam memahami konteks dapat membantu pembaca untuk menilai dan menginterpretasi ujaran secara cepak dan berkesan. Kajian ini mengetengahkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh konteks ujaran dalam menyumbang penginterpretasian yang sesuai. Hal ini kerana bukan mudah untuk mendapatkan maksud sesuatu perkataan hanya dengan melihat permukaannya atau ortografi sahaja. Aspek makna denotatif dan konotatif yang diketengahkan oleh James Dickins, Sandor Hervey dan Lan Higgins (2002) menampakkan bahawa struktur *al-idāfāt* memaparkan pecahan semantik yang lebih meluas. Metod yang versatil dan penilaian ke atas konteks sangat diperlukan untuk menentukan makna yang tersurat dan tersirat. Variasi makna struktur *al-idāfāt* di dalam kajian ini menampakkan ciri dan faktor yang bernilai dalam proses penentuan makna. Analisis bersistemik ke atas makna struktur *al-idāfāt* boleh membantu untuk mewujudkan pemahaman yang efisien terutama dalam konteks bahasa.

### 6.4 Struktur Idiomatik

Kolokasi frasa *al-idāfāt* dengan makna idiomatik merupakan bahagian yang sukar difahami, dan memerlukan pentafsiran yang berbeza dengan maksud asal struktur ayat. Ia boleh dikenalpasti dengan kewujudan unsur figuratif yang didokong. Hal ini selari dengan Husam al-Din (1985), Abu Saad (1987) yang menggunakan ‘frasa idiomatik’, dan al-Qassimi (1979) yang menyatakan ‘ekspresi idiomatik’ merujuk pada ekspresi khusus, ungkapan majmuk, tetap, atau frasa tradisional. Berikut merupakan unsur idiomatik yang dikenalpasti wujud di dalam al-Quran berdasarkan struktur *al-idāfāt*.

#### Frasa 1

طَلَعَهَا كَأَنَّهُ رُؤُوسُ الشَّيَاطِينِ [الصفات: 65]

Frasa رؤوس الشياطين secara literal bermaksud ‘kepala-kepala syaitan’. Walau bagaimanapun, konteks ayat tersebut menceritakan keterangan ciri pokok zaqqum. Al-Qurtubiy (1988: 86) menyatakan ianya seolah rupa syaitan dengan mata dan kepalanya yang buruk, dan setiap yang buruk adalah gambaran syaitan manakala sebaliknya berupa malaikat. Ada pun Ibn ‘Asyur (1997: 124) berpandangan ianya perumpamaan rupa pokok zaqqum. Secara kesimpulannya, struktur frasa tersebut digunakan pada sesuatu yang buruk dan hodoh (Himadah Muhammad, 2007 : 333). Demikianlah unsur figuratif yang dijelaskan melalui frasa tersebut yang berupa konteks perumpamaan.

#### Frasa 2

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُؤُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلُمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ [البقرة: 279]

Ibn Faris (2001: 414) menyatakan leksikal رأس bermaksud ‘kumpul/ tinggi’. Frasa رؤوس الأموال ialah (*aslu al-māl / harta*) sebagai satu kiasan (Abu Hayyan, 2001: 353). Kolokasi *al-idāfāt* tersebut menceritakan tentang perlunya mengelakkan diri daripada harta riba. Unsur kiasan yang didokong dalam frasa tersebut menyumbang kategori idiomatis yang memerlukan pemahaman yang sesuai dengan konteks ayat. Struktur yang dinyatakan juga telah digunakan pada masa kini sebagai jumlah harta/ wang pelaburan/ modal untuk sesuatu urusan (Ibrahim Anis, 1972: 319).

#### Frasa 3

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفْعَلُ لَهُمْ أَنْبَاءُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ [الأعراف: 40]

Struktur kata سم الخياط secara literal bermaksud ‘lubang jarum’. Frasa tersebut berupa perumpamaan bagi maksud ‘sempit’ (Abi Hilāl al-‘Askariy, 1988: 358). Ayat di atas menerangkan satu gambaran bagaimana keadaan manusia yang medustakan ayat Allah. Tidak dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan tidak akan sesekali masuk ke dalam syurga sehingga ‘seekor unta masuk lubang jarum’. Konteks ayat tersebut menceritakan tentang golongan yang kufur pada Allah dengan memberi gambaran ‘seekor unta dengan lubang jarum’. Unsur figuratif yang didokong menyalurkan makna ‘mustahil’ dan ‘tidak akan sesekali’ dimasukkan mereka ke dalam syurga atas kekufurannya kepada Allah.

#### Frasa 4

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ [البقرة: 138]

Perkataan الصبغة menurut Ibn Manzūr (2003: 272) ialah sesuatu yang mencelup dan mewarna pakaian. Manakala al-Qurtubiy (1988: 144) menyatakan sebaik-baik celupan ialah agama Islam, dan diungkap agama itu صبغة sebagai kiasan dari segi menzahirkan perbuatan dan ciri orang yang beragama, sebagaimana terzahirnya kesan celupan warna pada pakaian. Abdul Raof (2006: 209-211) mendefinisikan unsur kiasan sebagai satu perkataan yang dipindahkan maknanya dan mengemukakan makna berkias (*allegory*), yang menghalang pentafsiran makna denotasi perkataan itu. Demikianlah unsur figuratif yang menunjukkan makna metafora yang terdapat pada struktur tersebut.

#### Frasa 5

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَتَعَلَّمَ مَا تُوسُّوسُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ [ق: 16]

Struktur kata حبل bermaksud urat pada tubuh, manakala الوريد bermaksud saluran darah (Ibn Asyura, 1997: 300). Frasa *al-idāfāt* tersebut adalah satu penjelasan mengenai kombinasi semantik yang saling berkait di antara kedua-duanya (ibid). Menurut Abi Mansur al Sa'alabi (1985: 343) kolokasi perkataan حبل الوريد merupakan perumpamaan yang digunakan untuk menunjukkan 'dekat'. Peranan konteks antara leksikal حبل dan الوريد memaparkan kesan semulajadi dimana urat dan saluran darah merupakan kesatuan dan suatu yang saling berkait di dalam tubuh badan. Hal ini selari dengan kenyataan Abu Sa'ad (1987: 7) bahawa ekspresi idiomatik digunakan untuk dua kategori, pertama bertujuan untuk mencantikkan unsur bahasa melalui penerapan fenomena pemakaian bahasa dan kedua untuk menyatakan kesan semulajadi yang ditunjukkan melalui imej metafora.

#### Semantik dan Idiomatik

Kategori idiomatik dikenalpasti wujud daripada struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*). Perbincangan merumuskan bahawa unsur figuratif merupakan suatu yang mendatangkan masalah disebabkan polanya berupaya membentuk ungkapan tertentu dan ciri gaya bahasa dengan makna yang bertujuan. Permasalahan tersebut boleh disempurnakan dengan membezakan unsur yang didokong di dalam frasa al idhāfāh merangkumi konteks ungkapan, unsur gaya bahasa figuratif, pragmatik, ekspresi idiomatik dan laras bahasa di dalam teks. Hal ini kerana struktur idiomatik mendokong semantik khusus yang berbeza dengan satuan perkataan asal. Idiom yang dianalisis di dalam kajian ini dianggap satu kelas ekspresi figuratif yang terbentuk melalui struktur kolokasi *al-idāfāt* yang tidak boleh difahami secara literal dan berfungsi sebagai satuan unit semantik. Makna figuratif idiom bagi frasa *al-idāfāt* di dalam kajian ini boleh diklasifikasi kepada unsur berdasarkan metafora/ kiasan dan perumpamaan. Hal ini selaras dengan Nicolas (1995) dan Abdou (2009) yang menyatakan bahawa pola semantik berbentuk idiom tidak mempunyai sebarang pertalian komposisi, dan terbentuk daripada klasifikasi konteks serta unsur sintaksis tertentu.

#### 7. Rumusan kajian

Melalui sorotan kajian, didapati bahawa makna boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian. Perbincangan merumuskan frasa *al-idāfāt* boleh menyumbang kepada beberapa bentuk pola semantik iaitu denotasi, konotasi dan idiomatik. Perbahasan kajian menetapkan bahawa struktur frasa al idhāfāh merupakan kategori kolokasi di mana kombinasi tersebut juga dipersetujui dan diguna pakai oleh sesetengah sarjana Arab seperti Ghazala (1993), Husamaddin (1985), Hafiz (2002) dan Brashi (2005). Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kajian ini menyumbang kepada beberapa aspek termasuk linguistik secara khususnya dan terjemahan secara umumnya. Perkataan denotasi merujuk kepada makna yang eksplisit, langsung, literal dan menunjukkan pada realiti. Manakala konotasi adalah lebih kompleks, implisit dan menjurus kepada makna yang lebih mendalam termasuk kategori tertentu seperti konteks budaya. Adapun idiomatik memerlukan kategori pemaknaan yang berbeza dengan maksud asal struktur.

Makna adalah sesuatu yang kontekstual. Dengan demikian konteks linguistik menjadi suatu perbincangan yang penting. Semantik merupakan ilmu yang mempelajari bagaimana untuk mendapatkan maksud, mentafsir serta memahami sesuatu ayat selari dengan konteks dan struktur gaya bahasa. Frasa *al-idāfāt* merupakan kombinasi antara KN-KN yang mengutarakan kepelbagaian pola semantik yang mengajak para pembaca untuk memahami konteks sebelum mengemukakan maksud yang dikehendaki. Ini kerana teks al-Quran penuh dengan unsur-unsur linguistik dan budaya. Kategori implisit dan eksplisit yang dipaparkan dalam kajian ini menampilkan struktur *al-idāfāt* boleh menyumbang permasalahan dari aspek penentuan makna. Hal ini selari dengan al-Anbar (2001) di mana ciri struktur tersebut boleh menyalurkan kesan makna dengan melihat peranan unsur semantik yang didokong di

dalam konteks ayat. Konteks ayat al-Quran merupakan suatu yang sangat penting untuk diberi perhatian. Unsur-unsur tertentu seperti idiomatis mestilah dibuat penilaian supaya kategori makna yang diperoleh sesuai, sempurna dan selari dengan maksud yang ingin dinyatakan.

Kajian mendapati idiom yang terbentuk daripada struktur frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran menyalurkan maksud tertentu, walaupun berada dalam kombinasi struktur morfologi kata nama yang sama. Unsur figuratif yang dikenalpasti memperlihatkan struktur (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) berupaya mengutarakan maksud berupa idiomatis. Bertepatan dengan Abdou (2009) yang menegaskan bahawa struktur nominal berupaya memaparkan unsur yang berupa idiom. Kajian ini telah meneroka kepentingan konteks dalam memahami beberapa unsur dan kategori semantik. Kajian mendapati struktur idiom di dalam al-Quran perlu difahami di peringkat yang lebih meluas disebabkan kesamaran maknanya yang boleh menyebabkan pentafsiran yang salah. Pandangan yang dikemukakan oleh James Dickins, Sandor Hervey dan Lan Higgins (2002) membolehkan kajian memaparkan perbezaan semantik melalui struktur *al-idāfāt* merangkumi konotasi dan denotasi yang dijangka menjadi kayu ukur dalam menentukan kategori semantik berdasar konteks.

Konteks berperanan menyalurkan mesej tersurat atau tersirat. Berdasarkan pendekatan yang diterapkan dalam kajian ini, struktur frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) berupaya mendatangkan makna implisit, eksplisit dan idiomatis. Pemerolehan maksud secara langsung tidak membantu pembaca untuk mendapatkan kefahaman kerana struktur dan konteks berfungsi menetapkan makna bagi perkataan dalam sesuatu ujaran. Ini kerana, sesuatu perkataan memperlihatkan makna yang berbeza-beza bergantung pada konteks kedudukan dan ciri linguistik. Adapun konteks linguistik menjelaskan bagaimana maksud difahami tanpa bergantung kepada andaian. Manakala pragmatik menjelaskan bahawa makna adalah sesuatu yang dipengaruhi dan mempengaruhi kesan sesuatu perkataan.

Mengklasifikasi kategori makna mengikut konteks sebenar (*actual context*) bagi sesuatu ujaran merupakan satu keperluan untuk membezakan skop pemaknaan, menganalisis teks, memahami bahasa natural, menjalankan penjajaran teks, dan membuat penghuraian. Pengertian makna konteks suatu struktur dan frasa sangat diperlukan untuk menyusun kamus, mengembangkan tatabahasa, merumuskan teori linguistik, dan menyediakan sumber untuk bahasa pengajaran. Justeru, kajian-kajian yang menyelidik aspek semantik dan konteks sesuatu struktur harus diperluaskan agar dijadikan bahan rujukan yang bernilai dalam bidang linguistik khususnya. Rujukan yang autentik mestilah dijadikan asas utama dalam menetapkan konteks makna terutama teks al-Quran yang penuh dengan ujaran dan struktur kata yang pelbagai.

Akhir kata, masalah pemaknaan boleh diselesaikan dengan menjalankan pelbagai kajian mengenai konteks dan struktur. Kajian merumuskan bahawa frasa (*al-idāfāt bi al-alif wa al-lām*) di dalam al-Quran mempunyai hubungan dengan kategori semantik bergantung kepada peranan konteks. Kategori makna implisit, eksplisit dan idiomatik dikenalpasti wujud daripada binaan struktur tersebut. Kajian ini tidak menitikberatkan pada skop pragmatik disebabkan tumpuan yang dijalankan hanyalah ke atas satu struktur sahaja. Pun begitu, kajian-kajian lain boleh dijalankan secara menyeluruh memandangkan pragmatik merupakan kajian yang menyentuh bagaimana konteks berperanan mempengaruhi aspek makna. Justeru, kajian ini diharap membantu untuk mengelakkan ketaksaan dalam penilaian makna dan konteks disamping menjadi bahan rujukan dan usaha permulaan untuk melaksanakan kajian seterusnya mengenai isu, ciri, struktur dan peranan konteks dalam al-Quran.

## Rujukan

### Al-Quran

- Abdou, A. (2009). Arabic Idioms: A Corpus-based Study. Ph.D dissertation. University of Manchester.
- Abd Al-Qāhir Al-Jurjānī. (1991). *Asrār al-Balāghatt*. (Edited by: Khafagi, Muhammad Abdul Mun'em, and Abdul Aziz Sharaf). Beirut, Dar Al Jeel.
- Abdul Raof, H. (2006). *Arabic Rhetoric: A Pragmatic Analysis*. London: Routledge.
- Abu Ghazala, E., De Beaugrande, R. A., Dressler, W., & Hamad, A. K. (1992). *Introduction to Text Linguistics (madkhal 'la ilm lughatt al-naş)*. Cairo: Matbaat dar al-Kitab.
- Abu Hayyan. (Abi Hayyan al Andalusi). (2001). *Tafsir al Bāhr al Mühit*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyat. Beirut: Lubnan.
- Abu Saad, A. (1987). *Mu'jam Altarakib wal 'ibaratt al-is Tilahiyyatt al A'rabiyyatt al Qadīm Minha Walmuwllad*. Lebanon: Dar al 'lm lilmalayīn.
- Abu sa'ad, A. (1987) *Mu'jam al-tarākīb wa al-ibārāt al- istilāhiyyatt al- āmiyyatt al-qadīm minhā wa al-mūwallād*. Bayrūt. Dār al-ilm li al-Malāyīn.
- Abi hilal al Askari. (1988). *Kitab Jāmharatt al Amsal*. Dar al Fikr. Beirut: Lubnan.
- Abi Mansur al Sa'alabi. (1985). *Tsimār al Qūlūb fi al Mūdhāf wa al Mansub*. Dar al Ma'arif. Beirut: Lubnan.
- Al- Alusy. (Abi Shihabuddin Mahmud). (1994). *Ruh al Ma'ani fi Tafsir al Qurān al A'zim wa al Sab' al Masani*. Dar al Kutub al Ilmiyyatt: Beirut Lubnan.
- Al Anbar, J. (2001). *Al ta'bir al istilahi fi musnad Al-Imam Ahmad*. Riyadh: King Saud University.
- Al Baghwi. (1987). *Ma'alim al Tānzil*. Dar al Ma'rifatt: Beirut.
- Brashi A, S. (2005). *Arabic Collocations: Implications for Translation*, Thesis of PhD, University of Western Sydney.
- Catford, J.C. (1996). *Teori Linguistik bagi Penerjemahan*. Ter. Uma A/P Iyavoo & Koh Chung Gaik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Emery, P. (1988). *Body-part Collocations and Idioms in Arabic and English: a Contrastive Study*. Unpublished PhD, University of Manchester, Manchester.
- Ghazala, Hasan. 1993. *Translating Collocations: Arabic-English (in Arb)*. Lebanon: Dar el-ilm lelmalayēn. Turjuman, 2 (1), pg: 744.
- Ghazala, Hasan. (2007). *Dar el-ilm's dictionary of collocations*. Lebanon: Dar el-ilm lelmalayēn.
- Al-Ghalāyīnī, Mustafā. (1993). *Jāmi' al-Durūs al-Arabiyyatt*. Beirut: al-Maktabah al- Āsriyyatt.
- G. Leech. (1974). *Semantics*. London: Penguin, (2nd edition, entitled *Semantics: the Study of Meaning*, 1981).
- Hafiz, A. (2002). 'Throw a Party' with Collocations: The Need for an Arabic Combinatory Dictionary. *International Journal of Arabic-English Studies (IAES)*, 3(1-2), 1-15.
- Al-Hasan, Syahir. 2001. *Al-Simantikiyyatt wa al-Barajmatikiyyatt fi al- Lughat al-Arabiyyatt*. Amman: Dar al-Fikr li al- Tibaat wa al- Nasyr wa al- Tawzi'.
- Hashim Musa & Ong Chin Guan. (1998). *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hijab Mohammad Alqahtni. (2014). *The Structure and Context of Idiomatic Expressions in the Saudi Press*. PhD thesis. University of Leeds.
- Hilal Alshaje'a. (2014). Strategies for translating metaphorical collocations in the Holy Qur'an. *Journal of Advances in Linguistics*. Vol 4, No. 3. Pp 388-396.
- Hilal Alshaje'a. (2014). Issues in Translating Collocations of the Holy Qur'an. Vol. 14. pp 49-65.
- Hoogland, J. (1993). Collocations in Arabic (MSA) and the Treatment of Collocations in Arabic Dictionaries. *The Arabist: Budapest Studies in Arabic*, 6-7(1), 75-93.
- Husamaddin, K. (1985). *Idiomatic Expressions (in Arabic)*. Cairo: Maktabat Al-Anjilu Al Masriyah.
- Husam Al-Din, K. Z. (1985). *Alta'bir al istilāhiyyatt*. Cairo: Maktabat al Anglo al Masriyyatt.
- Ibn Āqīl, (Bahā' al-Dīn Abdullah). (1990). *Shārh Ibn Āqīl*. Jil. 1-2. Bayrut: Dar al-Khir.
- Ibn A'syur. (Muhammad Tahir A'syur). (1997). *Al Tāhriir wa al Tanwir*. Dar Syahnun li al Nasyr wa al Tauzi': Tunis.
- Ibn Faris. (2001). *Mūkjām Māqāyiis al Lūghātt*. Dar Ihya' al Turas al Arabiy. Beirut: Lubnan.
- Al Istirbazy, (Radhiuddin Muhammad b Hasan). (1998). *Syārh al Kāfiatt*. Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyyatt.
- Ibn Jinnī, (Abu al-Fath Ūthmān). (1988). *Al-Lūmā' fi al-Arabiyyatt*. Ammān: Majdalāwi.
- Ibn Katshir. (2000). *Tāfsir al Qūran al A'zim*. Dar al Bayan al Arabiy: Maktabatt al-Ma'arif: Riyadh.
- Ibn Manzur. (2003) *Lisānul Arab*. Matba'att Dar al Hadis: Kaherah.
- Ibrahim Anis. (1972). *Al Mūkjām al Wāsīt*. Mājma' al Lūghatt al Arābiyyatt. Maktabah Misr al Fujalah: Kaherah.
- Ibrahim Ahmad Abd al Fattah. (1983). *Al Qāmus al Qāwim li al Qūran al Kārim*. Al Haia'h al Am'matt li Syu'un al Matabi' al Amiriyatt.
- James Dickins, Sandor Hervey, Lan Higgins. (2002). *Thinking Arabic Translation. A Course in Translation Method: Arabic to English*. Routledge: London.
- Leech, G. (1974). *Semantics*. London: Penguin Books Ltd.
- Maha Alrabiah, Nawal Alhelewh, Abdul Malik Al-Salman & Eric Atwell. (2014). An Empirical Study On The Holy Quran Based On A Large Classical Arabic Corpus *International Journal of Computational Linguistics (IJCL)*, Volume (5). Issue (1).
- Majdi Ibrahim, Saupi Man. (2008). *Kaedah Penerjemahan Struktur Ayat Balaghah di dalam Al Quran*. Membina Kepustakaan dalam bahasa Melayu. *Persidangan Penerjemahan Antarabangsa ke 11*, hlm 234.
- Al Makhzumi, Mahdi. (1964). *Fi al Nāhw al Arābiy*. Qawaid wa al Tatbiq. Naqd wa Tawjih. Beirut: Sida.

- Mubārak, Mubārak. (1992). Qāwaid al-Lūghatt al-Arābiyyatt. Cet.3, Beirut: Maktabatt al-madrasiiyyatt dar al-Kitāb al-Ilmiy.
- Nicolas, T. (1995). Idioms: Structural and Psychological Perspectives Martin Everaert [Et Al.] (Eds) Hillsdale, N.J.; Hove: Erlbaum.
- Omar Sheikh Al-Shabab. (2003). The Evolution of Translation Culture: Translating the Holy Quran into French. King Saud Univ., Vol 15, Lang. & Translation, pp.21-48.
- Al-Qassimi, A. (1979). Al Ta'abir al Iṣṭilāhiyyatt wa al Siyāqiyyatt wa Mu'jam 'Arabi laha. Jurnal Majallatt al lisan al 'Arabi. Hlm 17-34.
- Al- Qurtubi .(1988). Al Jāmi' li Ahkam al Qūran li al Qūrtubi. Dar al Kutub al Ilmiyyatt. Beirut: Lubnan.
- Al Raghīb al Asfahani. (1999). Mūkjam Mūfradatt Alfaz al Qūran. Dar al Kutub al Ilmiyyatt: Beirut.
- Shihab A. Al-Nasser, Rafid A. Khashan. (2008). The collocation of Mubeen In The Holy Quran. Journal of the College of Arts. University of Basrah. No 45.
- Shima Ebrahimi, Mohammad Reza Pahlavannezhad, Geranaz Nadernezhad. (2012). The Analysis of Quranic Collocations in the Orchard "Boostan of Sa'di". International Journal of Linguistics. Vol. 4, No. 3. Pp 1-13.
- Siīnī, M, Husayn, M. and al-Dūš, S. (1996). Al-Mu' jām al-Siyāqi lil-ta' birātt al- istilāhiyyatt: arabiyy- arabiyy. Bayrūt: Maktabatt Lubnān nāširūn.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). Postface to the second edition of Relevance: Communication and Cognition. Oxford: Blackwell.
- Al Syaūkani, Muhammad bin A'li al Syaūkani.(tt). Fath al Qadir al Jami' baina Fann al Riyawatt wa al Dirayatt min Ilm al Tafsir. Dar al Fikr, Beirut: Lubnan.
- Syed Ali Mirluhy & Rihanah Mirluhy. (2011). Mūshkilatt al idhāfātt ila al Jumlatt wa iqtiratt li hilliha. Majallatt Jamiatt Damshiq. Mujallad 27, A'dad 1/2.
- Al-Tabari. (Tafsir al-Tabari). (1997). Al-mūsammá Jāmi' al-Bāyan fi ta'wil al-Qur'an. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyatt. Beirut: Lubnan.
- Yasir Y. Abdulwahid, Osama H. Ibraheem. (2011). Formal and Functional Meanings in the Glorious Qur'an with Reference to Translation. College of Basic Education Researchers Journal Vol.11 No.3. pp 816-829.
- Al- Zamakhsyari. (1998). Al Kāssyaf a'n Hāqaiq al Tānzil wa U'yun al Aqāwil fi Wūjuh al Ta'wil. Maktabatt Misr, al Fujalah, Kaheerah.